

PENGARANG, MEJA BERITA


UNTUK SIARAN SEGERA

### KENYATAAN MEDIA

#### **EAIC SERU SYOR PENGURUSAN LOKAP DIBERI PERHATIAN DAN TINDAKAN SEGERA DILAKSANA OLEH 4 AGENSI YANG TERLIBAT DENGAN LOKAP TAHANAN**

6 Februari 2015 (Jumaat) – Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) ingin memaklumkan bahawa lanjutan daripada pendedahan umum pada 30 Januari 2015 mengenai Laporan Pasukan Petugas Siasatan Kematian James Ramesh a/l Ramasamy Semasa Dalam Tahanan Lokap Polis, EAIC telah mengedarkan laporan penuh siasatan ini kepada 4 agensi penguatkuasaan yang mempunyai lokap orang tahanan atau tangkapan iaitu ***Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).***

Sehubungan ini EAIC menyeru supaya agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan mengambil perhatian serius dan tindakan segera terhadap syor-syor penambahbaikan yang telah dikemukakan mengikut kesesuaian agensi masing-masing ke arah matlamat untuk membanteras dan mencegah kes-kes kematian semasa dalam tahanan di lokap dan penjara.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

Untuk mendapatkan laporan penuh dan syor-syor penambahbaikan tersebut, orang awam boleh memuat turun dari laman portal EAIC di [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my).

**-TAMAT-**

***“INTEGRITI DIJULANG NEGARA BERMARUAH”***

**KAMAL BAHARIN BIN OMAR**

Setiausaha

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan

6 Februari 2015